

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JMK 221 – Fiksyen Melayu Moden**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan kesemuanya.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Jawab **SOALAN 1** di **Bahagian A** dan **TIGA** soalan lagi di **Bahagian B**.

**Bahagian A (WAJIB)**

1. Bandingkan mesej yang hendak disampaikan menerusi cerpen ‘*Mayat dan Keluarga*’ karya Shahnon Ahmad dengan cerpen ‘*Grotesque*’ karya Abdullah Tahir.

(25 markah)

**Bahagian B**

2. Novel *Saga* karya Abdul Talib Mohd Hassan membawa persoalan membangunkan masyarakat desa yang jauh ketinggalan dalam semua aspek kehidupan. Namun usaha pembangunan di Kampung Batu Ragi itu banyak menghadapi masalah. Berikan pendapat anda mengapakah perkara itu berlaku?

(25 markah)

3. Huraikan perutusan moral yang dibawa oleh Ahmad Kotot menerusi novelnya *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan*.

(25 markah)

4. Novel-novel Melayu yang awal (1920) lebih bersifat didaktik dan membawa persoalan kebebasan wanita. Bincangkan pernyataan ini dengan mengemukakan contoh-contoh daripada novel-novel zaman awal itu.

(25 markah)

5. Watak-watak dalam novel *Langit Petang* karya A. Samad Said, merupakan watak-watak yang mengalami konflik. Bincangkan rentetan konflik-konflik tersebut sehingga ke puncaknya.

(25 markah)

6. Buat satu analisis yang kritis tentang konflik yang dialami oleh Pak Hassan sehingga menghadapi saat-saat hidup yang memilukan dalam novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* karya Anwar Ridhwan.

(25 markah)